


Banjir kilat landa Kuala Lumpur

KUALA LUMPUR – Hujan lebat lebih sejam di ibu negara menyebabkan beberapa kawasan dilanda banjir kilat dan insiden tanah runtuh menyebabkan kesesakan lalu lintas teruk petang semalam.

Jurucakap bilik gerakan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur ketika dihubungi berkata, kawasan Jalan Raja Chulan dan sekitar Dang Wangi di sini dilanda banjir kilat dengan kawasan berkenaan ditenggelami air sedalam setengah meter.

Katanya, banjir kilat paling teruk berlaku di Jalan Pinang apabila menenggelamkan lebih 100 buah kenderaan yang diletakkan di parkir kenderaan di situ.

“Lebih 100 kenderaan pekerja yang bekerja di bangunan berdekatan sekitar kawasan parkir itu terperangkap dalam



LEBIH 100 buah kenderaan terperangkap dalam banjir kilat di kawasan parkir Jalan Pinang semalam.

banjir sehingga terpaksa ditarik trak penunda,” katanya.

Sementara itu, Ketua Pusat Pergerakan Operasi Bomba dan Penyelamat Kuala Lumpur, Sam-sol Maarif berkata, kejadian tan-

ah runtuh turut berlaku berlaku pada pukul 5.50 petang di hadapan Kondo Sri Putra Mas, di Jalan Duta Mas di sini yang menutupi separuh jalan, bagaimanapun tidak ada mangsa terperangkap



PEMILIK kenderaan terpaksa menggunakan khidmat trak penunda selepas kereta mereka tersadai di kawasan parkir Jalan Pinang.

dalam kejadian itu.

Beliau berkata, pihak bomba telah menghubungi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk mendapatkan bantuan jentolak bagi membersihkan tanah run-

tuh tersebut.

Katanya, terdapat juga kejadian pokok tumbang menghempap empat buah kenderaan berdekatan Balai Polis Sentul, di Jalan Ipoh, di sini.